

# Dr. M akan umum MB Pahang

Oleh FARUSH KHAN

KUANTAN, Rabu — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan membuat pengumuman penting tentang kedudukan Menteri Besar Pahang, Haji Abdul Rahim Abu Bakar dan perkembangan terbaru dalam kerajaan negeri Pahang beberapa hari lagi.

Perdana Menteri juga dipercayai akan membayangkan pengganti atau Pemangku Menteri Besar itu, menurut sumber rapat dengan kerajaan negeri.

Haji Abdul Rahim sendiri ketika ditemui di sini hari ini enggan menjelaskan hasrat dan keputusan yang sebenarnya ada akan mengambil cuti atau terus meletakkan jawatan Menteri Besar.

Tetapi dari tinjauan dan temuramah yang dibuat, adalah sangat dipercayai beliau akan terus mengosongkan jawatan itu untuk diambil oleh orang lain yang menurut perlembagaan tidak semestinya datang dari kalangan Ahli Exco.

## Beres

Haji Abdul Rahim selepas memengerusikan mesyuarat Exco di pejabatnya pagi ini memberitahu pemberita, pertemuannya dengan Perdana Menteri di Kuala Lumpur semalam berjalan dalam suasana tenang dan ikhlas.

"Segalanya telah dapat dibincang dan diselesaikan," katanya.

Tetapi beliau enggan menjelaskan pertemuan 'satu sama satu' itu lebih lanjut.

Beliau juga enggan mengulas tentang kemungkinan beliau pergi ke New York untuk menyertai perwakilan Malaysia di mesyuarat agung Bangsa-bangsa Bersatu.

Ditanya apakah beliau akan pergi sekiranya Datuk Seri Dr. Mahathir sendiri mengarahkan, Menteri Besar itu hanya berkata: "Saya tidak ingin menyentuh perkara itu."

Ditanya kemungkinan beliau dilantik memegang jawatan tinggi dalam negeri, Haji Abdul Rahim menjelaskan: "Saya tidak dapat menjelaskannya."

Sebelum memasuki kenderaan beliau memberitahu pemberita yang mengerumuninya dan mengemukakan berbagai soal lain, "tunggulah perkembangannya."

Sementara itu, punca-punca yang rapat dengan kerajaan negeri berkata, Ahli-ahli Majlis Kerja (Exco) negeri akan tetap menduduki kerusi masing-masing jika jawatan Menteri Besar dipangku oleh orang lain.

"Biasanya Pemangku Menteri Besar dilantik dari kalangan Ahli-ahli Exco," kata punca itu.

Menyebut, "sekiranya Menteri Besar hilang kepercayaan dari majoriti Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, kecualli atas permintaannya, Sultan membatalkan dewan perundangan itu, beliau (Menteri Besar) hendaklah menyerahkan perletakan jawatan Majlis Kerja (Exco) itu."

Sementara itu di Kuala Lumpur Berita Harian difahamkan keputusan sama ada Haji Abdul Rahim bin Abu Bakar akan melepaskan jawatan Menteri Besar Pahang atau tidak akan hanya diketahui selepas Majlis Tertinggi UMNO mengadakan mesyuarat pada 10 Oktober ini.

Sumber-sumber yang rapat memberitahu, meskipun Perdana Menteri mempunyai kuasa mutlak terhadap masalah tersebut tetapi beliau dikatakan lebih cenderung perkara itu dibentangkan dalam mesyuarat berkenaan.

"Bagaimanapun ia terletak berapa serius masalah tersebut dan jika ia tidak dapat dikawal perkara tersebut akan diputuskan dengan serta merta," katanya.

## Elak krisis

Berita Harian juga difahamkan keputusan untuk menyuruh Haji Rahim melepaskan jawatannya bukan kerana beliau tidak mampu mengendalikan negeri Pahang tetapi adalah bertujuan untuk mengelakkan 'krisis perlembagaan' berlaku.

Katanya, pergolakan politik Pahang bukan setakat melibatkan pemimpin di kalangan UMNO saja tetapi juga kait-mengait dengan kalangan-kalangan lain.

"Jika masalah ini dibiarkan tanpa dibendung dengan segera maka sudah tentu ia akan menjejaskan sistem kerajaan sendiri."

Difahamkan juga pergolakan berlarutan sejak perlintakan Haji Rahim sebagai Menteri Besar tiga tahun lalu adalah tidak baik.

"Datuk Seri Dr. Mahathir telah membangunkan perkara ini dengan serius dan mengambil keputusan Haji Rahim terpaksa diganti."

Sumber-sumber yang rapat dengan kerajaan negeri memberitahu, Haji Abdul Rahim dijangka akan bercuti dan berihat di Timur Tengah.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia